

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]
TARIKH : 19 MEI 2015
SOALAN :

YB Puan Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai ubat-ubatan yang tidak akan dikenakan Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST), berapa peratus daripada senarai ini berbanding jumlah ubat-ubatan yang ada serta apakah langkah yang telah diambil bagi memaklumkan senarai ubat-ubatan tersebut kepada orang ramai.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebanyak 3,077 produk ubat terkawal merangkumi 43.8% daripada jumlah keseluruhan ubat terkawal dan 1,146 produk ubat *Over The Counter* (OTC) merangkumi 27.9% daripada jumlah keseluruhan ubat OTC yang telah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telahpun diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk diberikan Layanan Cukai Berkadar Sifar (*zero rated*).

Sebagai makluman, ubat-ubatan yang telah diberikan *zero rated* ini adalah ubat-ubatan yang telah disenaraikan di dalam Senarai Ubat Penting Kebangsaan ataupun *National Essential Medicines List (NEML)*. Dari segi kegunaannya, NEML adalah senarai ubat-ubatan asas dan penting yang memenuhi keperluan penjagaan kesihatan majoriti penduduk, mudah untuk diperolehi dalam kuantiti yang mencukupi, didapati dalam bentuk dos yang bersesuaian, mempunyai kualiti yang dijamin serta harga yang mampu dimiliki oleh individu atau komuniti.

Tuan Yang Di Pertua,

Senarai 4,200 produk yang telah diberikan status *zero rated* ini telahpun dimuat naik ke laman web Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk semakan orang ramai pada Mac 2015 yang lalu. Senarai ini juga boleh diakses melalui pautan yang disediakan di laman web Bahagian Perkhidmatan Farmasi (www.pharmacy.gov.my).